



Saarani perlu rapatkan saf elak retak melarat ke Persekutuan

Usul undi percaya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak berkahir dengan peletakan jawatan Datuk Seri Ahmad Fauzi Azman sebagai Menteri Besar, serta berrisan Malls Mesyuarat Kerajaan (MMK) apabila beliau tewas dalam pengundian pada 4 Disember lalu.

Peletakan jawatan Ahmad Fauzi selaras Fasal 16(6) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak apabila beliau tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

ADUN Chenderiang itu hanya mendapat 10 undi sokongan, manakala 48 lagi membantah dan satu undi rosak selepas Yang DiPertua DUN Perak memutuskan prosiding undi belah bahagian.

Prosiding itu berpanca daripada usul undi percaya dikemukakan ADUN Pengkalang Baharu, Datuk Abdul Manaf Hashim.

Ternyata dalam proses pengundian itu, rakan Perikatan Nasional (PN) iaitu Barisan Nasional (BN) tidak membentah sokongan kopada Ahmad Fauzi.

Keputusan undi menimbulkan semula polemik mengenai keutuhan permuafakatan dalam PN, selepas perkembangan mutakhir menunjukkan petanda positif apabila Dewan Rakyat pada 26 November lalu meluluskan Belanjawan 2021 pada peringkat dasar dan kelulusan juga diperoleh pada peringkat jawatankuasa.

Akibatnya, persoalan akan berlaku kejutkan ketika pengundian Bacaan Ketiga Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 yang dijadualkan 17 Disember ini mula dibahaskan.

Tindakan Ahmad Fauzi meletakkan jawatan tanpa meminta pembaruan DUN dari satu sudut, boleh diuji. Ia membantu memudahkan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, membuat pertimbangan lanjut — iaitu memilih seorang menteri besar dan pembentukan sebuah MMK yang baharu.

Peruntukan Fasal 16(2) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak menyasarkan pemilihan seorang ADUN yang pada hemah baginda mungkin mendaat kepercayaan majoriti ahli Dewan sebagai seorang menteri besar.

Baginda juga boleh mengecualikan pemakaian syarat lambaian seperti bermaksud dalam Fasal 12(2) iaitu seorang Melayu dan beragama Islam sebagai seorang menteri besar.

Proses pelantikan menteri besar baharu mula kelihatan bakal mengundangi krisis kerana kejatuhan Ahmad Fauzi tidak bertepatan dengan 48 ADUN termasuklah 25 daripada BN.

PAS melalui Setiausaha Agungnya, Datuk Takiyuddin Hassan, antara yang

membeli respon awal selepas kejatuhan Ahmad Fauzi, melalui kenyataan media untuk tidak menyertai MMK baharu di Perak.

Sultan Perak juga tidak menahkakan tarikh istiadat mengangkat sumpah menteri besar walaupun selepas Presiden UMNO yang juga Pengorosi BN, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, pada 8 Disember lalu mempersembahkan calon.

Kedudukan itu menunjukkan baginda masih belum berpuas hati dengan bukti sokongan dipersembahkan UMNO dan BN.

Ia selantikan menteri besar serta pembentukan MMK akhirnya selesai apabila Perdana Menteri yang juga Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Tan Sri Muhyiddin Yassin, bersama-sama Ahmad Zahid yang mewakili BN serta Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang, bertemu se-malam.

Melalui pertemuan itu, tiga parti berkenaan sepakat mengekalkan kerajaan pimpinan PN di Perak.

Ketika ini, BN mempunyai 25 ADUN diikuti DAP (16), Parti Amanah Negara (AMANAH) dan BERSATU masing-masing lima, PAS dan PKR masing-masing tiga serta seorang mewakili Gerakan dan Bebas.

Sebelum ini, idea pembentukan kerajaan perpaduan dibangkitkan sebagai "jambatan" untuk menghubungkan

ADUN yang satu pun tidak mewakili parti politik bermajoriti di DUN Perak.

Dari sudut Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak, baginda Sultan tidak perlu membuktikan seorang ADUN itu pasti mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan.

Pertimbangan memilih menteri besar hanya pada hemah baginda seorang Ahli Dewan yang mungkin memperoleh kepercayaan majoriti.

Barangkali pertemuan tiga pihak semalam antara BN, BERSATU dan PAS mengambil kira pengorbanan dilakukan BN di Sabah apabila ADUN BERSATU terpilih sebagai Ketua Menteri selepas PRN negeri itu selesai.

Di ambang Belanjawan 2021 yang

perlu melalui proses Bacaan Ketiga di Dewan Rakyat, sebarang pertikaian antara rakan PN hendaklah diuruskan secara bijaksana dan segera.

Sekiranya rakan dalam PN gagal mencapai lita sepakat, walaupun selepas Sultan Perak memperkenankan pelantikan ADUN Kota Tampan, Datuk Saari Mohamad, sebagai Menteri Besar yang baharu, tidak mustahil kekalut ini akan terus berlanjutan sehingga membawa kepada pembaruan DUN.

Jika ini berlaku, Sultan Perak boleh mengekalkan barisan MMK sebagai *core taker* atau kerajaan sementara sehingga sebuah MMK baharu dibentuk selepas pilihan raya negeri (PRN).

Jika senario di atas berlaku, maka ada keberagkalian Perdana Menteri meminta Yang Di-Pertua Agung supaya mengisytiharkan darurat bagi menangkalkan risiko penularan wabak COVID-19.

Satu perkara yang mungkin berlaku jika darurat diisytiharkan ketika DUN sudah terubur ialah kuasa Sultan Perak di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak untuk memberikan Yang Di-Pertua Agung melalui ordnan Persekutuan.

Hal ini mungkin berlaku kerana Sultan Perak perlu merundingkan seketan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak untuk memberikan kuasa kepada MMK interim bagi menguruskan pentadbiran negeri, termasuk kuasa baginda meluluskan belanjawan negeri kelak.

MMK tidak mempunyai fungsi kuasa eksekutif yang sama apabila DUN dibubarkan dan dalam tempoh itu juga, DUN tidak boleh dipanggil bersidang melainkan selepas diadakan PRN.

Kitabar daripada apa yang berlaku, pemimpin politik boleh mengambil jalan permuafakatan lebih awal untuk tidak memberi isyarat yang salah kepada sesama rakan dalam gabungan.

Tindakan diambil ADUN BN dilihat seolah-olah membelakangi PAS dan BERSATU. Jika isu sebenarnya ialah untuk mutakarrim menteri besar, parti masing-masing boleh mengemukakan kebijaksanaan untuk menyuntuti satu sama lain.

Amat diharapkan ADUN Kota Tampan yang diperekenankan sebagai Menteri Besar oleh Sultan Perak, semalam dapat merapatkan saf dalam negeri itu supaya kekeliruan yang berlaku tidak mengakibatkan retak pada peringkat Persekutuan.

Kitabar daripada apa yang berlaku, pemimpin politik boleh mengambil jalan permuafakatan lebih awal untuk tidak memberi isyarat yang salah kepada sesama rakan dalam gabungan.



Pemulis adalah Pengarang Jurisprudens Watan dan Profesor Madya di Universiti Malaysia Pahang (UMP)

Sidang/Redaksi

Pengarang Kumpulan
SAIDON IDRIS
saidon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Kandungan & Digital
M THILLINADAN
thill@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Edisi Cetak
AZHAR A SAMAH
azharas@bh.com.my

Ketua Konvergen, Komersial & Multimedia HSTP
DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN
madzaini@bh.com.my